

22/09/1997

## Kompleks Perdanasiswa kebanggaan pelajar UM

WALAUPUN Universiti Malaya (UM) bukan universiti awam pertama mendirikan kompleks kegiatan pelajar, Kompleks Perdanasiswa mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Kompleks tiga tingkat berwarna putih itu memang sewajarnya menjadi kebanggaan pelajar UM. Selain menempatkan ruang persatuan pelajar, kompleks itu siap dengan pelbagai kemudahan sesuai dengan kedudukannya sebagai pusat tumpuan pelajar.

Jika pelajar mahu berseminar, kompleks itu menyediakan sebuah auditorium yang boleh memuatkan antara 800 hingga 1,000 orang dan siap dengan bilik kawalan yang dilengkapi alat audio visual terkini.

Jika hendak membeli buku dan alat tulis, ada Pekanbuku - kedai buku dan alat tulis milik Koperasi Universiti Malaya Berhad (KUMB). Komputer dan peralatannya boleh dipesan di Pekan Komputer manakala barang runcit boleh dibeli di Pekansiswa - juga milik KUMB.

Jika hendak melancong atau membeli tiket kapal terbang pergi sahaja ke UC Travel and Tours. Kemudian singgah di pejabat pos berhadapannya dan selepas itu menjamu selera di kafeteria.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar Bahagian Hal-Ehwal Pelajar UM, Mohd Nor Che Seman, kompleks yang mempunyai tujuh blok itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Januari 1995.

Katanya, kos pembinaan kompleks itu sahaja berjumlah RM18.8 juta manakala RM2.2 juta lagi dibelanjakan untuk menyediakan perabot dan peralatan di dalamnya.

"Idea untuk membina satu ruang untuk persatuan pelajar ini sebenarnya dicetus oleh bekas Naib Canselor UM, Prof Dr Syed Husin al-Attas untuk memberi peluang mereka berinteraksi," katanya kepada Pendidikan.

Selain itu, kompleks berkenaan juga turut mengandungi pejabat Majlis Perwakilan Pelajar, 85 persatuan pelajar, pejabat HEP, Pusat Rundingan, Pusat Sukan, Pusat Kebudayaan, Persatuan Alumni UM, Persatuan Siswazah Wanita UM, Unit Latihan dan Industri, Studio Muzik, bilik gimnasium, bilik gerakan, bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik tarian, ruang pameran dan ampeteater.

Didirikan di kawasan seluas 1.7 hektar, kompleks itu bukan sahaja menjadi tumpuan pelajar, tetapi juga pihak luar.

Menurut Mohd Nor, jika pada hujung minggu digunakan oleh pelajar, pada waktu pertengahan minggu pula menjadi tumpuan pihak pengurusan universiti, fakulti dan jabatan untuk berseminar.

"Selain itu, pihak luar universiti juga sering menggunakan kemudahan di kompleks ini, terutama pada waktu pelajar bercuti," katanya.

Untuk menghidupkan lagi suasana di kompleks itu, pengurusan universiti turut menganjurkan kegiatan di kompleks itu. Antara kegiatan yang menarik perhatian pelajar ialah bersantai pada setiap Rabu mulai jam 5.30 hingga 6.30 petang.

Biasanya kegiatan itu dipenuhi dengan acara kebudayaan. Untuk itu, beberapa artis atau kumpulan muzik dipanggil mengadakan persembahan mereka di ampeteater.

"Ini juga bertujuan memberi peluang pelajar menghilangkan rasa bosan dan ketegangan selepas belajar atau mengulang kaji pelajaran," kata Mohd Nor.

(END)